

03/07/2002

Ikim teliti hudud negara Islam lain

KUALA LUMPUR, Selasa - Kajian mengenai undang-undang hudud yang dijalankan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) turut merangkumi pengalaman negara Islam lain dan sistem perundangan negara.

Penyelidikan yang dijalankan sejak empat tahun lalu dilakukan dengan kerjasama kerajaan negeri Johor dan dijangka siap tidak lama lagi.

Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Abdul Monir Yaacob berkata draf pertama mengenai undang-undang hudud itu sudah siap dan apabila siap sepenuhnya akan diserahkan kepada kerajaan Johor untuk tindakan selanjutnya.

"Penyelidikan sudah lama dijalankan, Ikim pernah menghantar jawatan kuasa yang diketuai bekas Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Syed Agil Barakbah ke Jordan dan Kuwait untuk meninjau pengalaman amalan perundangan di negara berkenaan, beberapa tahun lalu.

"Baru-baru ini, saya dan beberapa ahli jawatan kuasa yang lain pergi ke beberapa negara Islam seperti Pakistan, Qatar, Sudan, Mesir dan Arab Saudi untuk tujuan yang sama. Antara perkara yang kami dapati tidak semua negara Islam mengamalkan hukum hudud seperti Qatar.

"Masyarakat kita sudah keliru dengan maksud sebenar hukuman hudud. Sebagai umat Islam kita tidak boleh menidakkan hukum hudud tetapi perlu disesuaikan dengan konteks negara kita," katanya pada sidang akhbar sempena pengumuman lantikan baru kakitangan Ikim, di sini, hari ini.

Abdul Monir berkata selain pengalaman negara Islam, pihaknya turut mengkaji sistem perundangan di negara ini termasuk hukuman di penjara sama ada ia sesuai dengan undang-undang jenayah Islam atau sebaliknya.

"Misalnya, 70 peratus peraturan yang ada dalam Akta Keterangan tidak bercanggah dengan hukum Islam," katanya.

Terdahulu, Abdul Monir mengumumkan pelantikan jawatan enam kakitangannya antaranya Mazilan Musa sebagai Pengarah Pusat Ekonomi; Dr Zainal Azam Abdul Rahman (Pengarah Pusat Syariah); Manap Jantan (Pengarah Radio) dan Shaik Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh sebagai pemangku Pengarah Ikim Pantai Timur.

Sementara itu, beliau berkata seminar antarabangsa bertajuk Dinar Emas dalam Dagangan Pelbagai Hala akan diadakan pada 22 hingga 23 Oktober depan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan seminar itu.

Katanya, seminar itu bukan lagi di peringkat membincangkan konsep tetapi ke arah pelaksanaannya dalam perdagangan dengan negara luar. Ia juga bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai fungsi kerajaan dan bank pusat dalam urusan kawal selia sistem itu.

Selain itu, katanya, Ikim akan menganjurkan seminar Memahami Malaysia sebagai Negara Islam pada 17 September depan yang turut dirasmikan Dr Mahathir.